

Soalan No: 74

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]****TARIKH : 25.7.2017****SOALAN :**

Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Paris, Kinabatangan serta bilakah pihak Kementerian merancang untuk pembaikpulihan sekolah-sekolah yang terlalu usang dan daif di Kinabatangan seperti yang berikut, iaitu S.M.K. Sukau, S.K. Bilit, S.K. Abai, S.K. Rancangan Suan Lamba, S.K. Kuala Suan Lamba, S.K. Kg. Suan Lamba, S.K. Sukau, S.K. Sri Ganda, S.K. Kuamut, S.K. Tundun Bohangin, S.K. Sg. Lokan, S.K. Sangau, S.K. Desa Permai, S.K. Litang dan S.K. Tidung/Tabin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum akan keadaan sekolah-sekolah yang terlibat di Kinabatangan, Sabah. Tindakan baik pulih akan diambil setelah mendapat permohonan dan laporan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan bangunan SMK Paris, Kinabatangan ini telah mendapat kelulusan dalam *Rolling Plan*

Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Status terkini projek ialah dalam proses mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (*Development Plan*) daripada pihak Majlis Berkuasa Tempatan. Projek akan mula dilaksanakan sebaik sahaja kelulusan kebenaran merancang daripada pihak Majlis Berkuasa Tempatan diterima oleh KPM.

RJM19